



UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN BERKUMPULAN

**ETIKA BERMASYARAKAT DALAM MEMBINA MASYARAKAT  
BERSATU PADU**

NAMA	NO. MATRIK
1. ETHAN LEONG YI THIAN	A20EC0033
2. MOHAMAD HAZIQ ZIKRY BIN MOHAMMAD RAZAK	A20EC0079
3. AUM JEEVAN A/L AUM NIRANGKAR	A20EC0017
4. KHAIRUL IZZAT BIN HASHIM	A20EC0058
5. BRENDAN DYLAN GAMPA ANAK JOSEPH DUSIT@ DUSIT	A20EC0021
6. HAFIY HAKIMI BIN SAIFUL REDZUAN	A20EC0040
7. MUHAMMAD NAIM BIN ABDUL JALIL	A20EC0096

PENSYARAH: PM DR. HASHIM FAUZY

TARIKH HANTAR: 27 JANUARI 2021 (WEEK 14)

## ISI KANDUNGAN

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
1.0 PENGENALAN	1
2.0 PERSOALAN KAJIAN	2
3.0 OBJEKTIF KAJIAN	3
4.0 KEPENTINGAN KAJIAN	4
5.0 KAJIAN LEPAS	5-8
6.0 METODOLOGI KAJIAN	9
7.0 DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN	10-18
8.0 CADANGAN	19
9.0 RUJUKAN	20
10. LAMPIRAN	21

## **1.0 PENGENALAN**

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, etika didefinisikan sebagai prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau kumpulan manusia. Masyarakat didefinisikan sebagai satu populasi masyarakat yang berbilang kaum serta budaya dalam komuniti manakala bersatu padu bermaksud bergabung sehingga menjadi kukuh. Oleh itu, masyarakat bersatu padu pula bermaksud manusia bersemangat hidup secara kukuh dan harmoni tanpa mengira kaum dan latar belakang masing-masing. Dalam tugas ini, kumpulan kami telah menjalankan sebuah penyelidikan yang bertajuk etika bermasyarakat dalam membina masyarakat yang bersatu padu. Kami memilih tajuk ini kerana kami tidak mempunyai pengetahuan yang luas tentang topik tersebut dan mahu kembangkan lagi ilmu pengetahuan serta pemikiran melalui kajian ini.

Antara tajuk subtopik yang ada dalam tugas ini ialah objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kajian lepas, metodologi kajian, dapatan kajian dan perbincangan. Perkara yang perlu dibincang bagi subtopik pertama iaitu objektif kajian ialah kami akan membincangkan matlamat-matlamat dan tujuan kajian ini berdasarkan topik yang diberikan. Selain itu, bagi subtopik persoalan kajian ialah kami akan membincangkan kesemua tanda tanya yang akan dibincangkan dalam kajian tentang pengertian dan kepentingan etika dalam kemasyarakatan. Seterusnya, bagi subtopik kepentingan kajian, kami akan membincangkan keperluan kita dalam menerapkan sikap beretika dalam kemasyarakatan.

Bagi subtopik kajian lepas pula, kami akan mengumpul kesemua artikel-artikel yang berkaitan dengan topik ini dan kami akan menganalisis setiap artikel-artikel yang dikumpul. Seterusnya, metodologi kajian pula kami akan menerangkan langkah demi langkah kami dalam menyelesaikan kajian ini. Akhir sekali, bagi subtopik dapatan kajian dan perbincangan, iaitu kami akan menghuraikan secara spesifik mengenai kajian ini mencapai objektif dan menjawab segala persoalan yang telah dibincangkan.

## **2.0 PERSOALAN KAJIAN**

Penulis menjalankan kajian ini berdasarkan beberapa persoalan yang dapat dikemukakan selepas perbincangan dilakukan. Hal ini demikian kerana masalah-masalah berkaitan etika dalam bermasyarakat telah menimbulkan banyak masalah perkauman sesama masyarakat. Dengan menimbulkan banyak persoalan, kajian ini boleh dijalankan dengan pelbagai cara pendekatan. Penulis memilih cara untuk melihat tajuk kajian ini secara menyeluruh daripada maksud etika dalam bermasyarakat itu sendiri sehingga siapakah yang berperanan dalam memastikan masyarakat hidup dalam keadaan beretika sesama sendiri. Melalui cara ini, kajian dapat dilakukan dengan sempurna dan lengkap. Penulis mampu mengaitkan tajuk kajian dengan aspek moral, pegangan dan kepercayaan. Hal ini kerana Malaysia hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum, tidak kira majoriti mahupun minoriti. Setiap persoalan yang dikemukakan adalah berkepentingan untuk menanam sifat-sifat beretika dalam bermasyarakat di dalam kalangan rakyat Malaysia. Dengan menjalankan kajian ini penulis mengharapkan masalah-masalah seperti masalah perkauman dapat dielakkan pada masa yang akan datang. Persoalan-persoalan yang dinyatakan seperti di bawah:

- i. Apakah yang dimaksudkan dengan etika dalam bermasyarakat?
- ii. Apakah yang menjadi faktor perlunya etika-etika dalam bermasyarakat?
- iii. Apakah langkah-langkah bagi memupuk nilai beretika antara masyarakat yang berbilang kaum?
- iv. Siapakah yang memainkan peranan dalam memupuk semangat beretika dalam bermasyarakat?

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kami akan mengemukakan beberapa objektif utama yang menjadi tulang belakang kepada kajian ini. Antaranya ialah meningkatkan kesedaran tentang kepentingan bersatu-padu dalam sebuah komuniti yang pelbagai. Umum mengetahui bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Iban, Bidayuh, Kadazan, Melanau dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, kepelbagaian kaum bermaksud idealisme serta kefahaman terhadap sesuatu perkara berlainan antara satu sama lain. Kesedaran dan sikap toleransi yang kukuh secara tidak langsung mengurangkan jurang sosial dan mengelakkan ketidaksefahaman antara kaum. Implikasinya, mutu perpaduan rakyat mampu dicapai bukan sahaja dari penubuhan Rukun Negara semata-mata tetapi dapat diimplementasikan dalam kehidupan seharian kita.

Selain itu, kajian kami juga berteraskan kepada pembentukan nilai-nilai murni terutamanya dalam kalangan generasi muda. Hal ini demikian kerana nilai-nilai murni yang terbentuk secara holistik dalam diri akan mempengaruhi komuniti untuk bertindak sama ada secara positif atau negatif. Oleh itu, nilai toleransi seumpamanya akan membimbing masyarakat untuk memahami budaya serta perayaan kaum-kaum secara lebih mendalam. Dalam pada itu, budaya yang diamalkan sejak turun-temurun tidak akan ditelan oleh arus pemodenan sekali gus membuka peluang untuk generasi muda mempelajari ilmu kebudayaan tersebut.

Objektif ketiga kajian kami adalah membawa implikasi perpaduan rakyat kepada pembangunan negara. Melalui kefahaman yang sekutu, kerjasama mudah untuk dikecapi tanpa sebarang perselisihan faham. Sebagai contoh, ekonomi negara telah terbukti meningkat dalam pelbagai aspek seperti pengeluaran dan penghasilan produk dari tahun ke tahun. Hal ini bukan sahaja meningkatkan taraf hidup rakyat di Malaysia malahan menjadi rujukan perdana kepada negara-negara metropolis bahawa perpaduan rakyat merupakan kunci kepada pembangunan sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, hal ini juga memberi semangat patriotik terutamanya golongan muda untuk memberi sumbangan kepada negara.

Ketiga-ketiga objektif yang dikemukakan ini diharapkan untuk menjadi kenyataan kerana rakyat, terutamanya akan memperoleh heterogen impak positif hanya dengan mengamalkan nilai bersatu-padu. Menyimpul objektif kajian ini, kami ingin menegaskan bahawa perpaduan yang kukuh akan mempengaruhi kemajuan sesebuah negara.

#### **4.0 KEPENTINGAN KAJIAN**

Antara tujuan kami menjalankan kajian ini adalah untuk menambah pengetahuan tentang tajuk ini iaitu etika bermasyarakat dalam membina masyarakat bersatu padu. Selain itu, kumpulan kami bersemangat untuk membina masyarakat yang bersatu padu supaya mencapai taraf hidup yang lebih beradab dan harmoni. Dengan mengkaji topik ini, kami dapat mengetahui apakah kemajuan dalam proses pembinaan masyarakat bersatu padu dan etika yang diperlukan dalam proses pembinaan masyarakat.

Pada zaman ini, perselisihan faham sering berlaku antara masyarakat berbilang kaum dan telah mencetuskan pelbagai masalah perkauman. Seperti dinyatakan di pendahuluan, masalah perkauman merupakan satu isu yang besar sejak 50 tahun yang lalu dan tiada lagi perubahan dalam masyarakat kini. Oleh itu, Kajian ini menggalakkan kami untuk berfikir secara rasional dan luas tentang betapa pentingnya etika ini membina masyarakat yang bersatu padu.

Kajian dilakukan berdasarkan penyelidikan kajian lepas dan juga soal selidik yang dijalankan dalam tempoh kajian. Dengan melakukan proses-proses ini, kajian dapat dilakukan dengan sempurna dan maklumat yang lengkap dapat dikumpulkan. Ini dapat meluaskan lagi pengetahuan kami mengenai etika-etika dalam mewujudkan masyarakat yang harmoni dengan cara mendapatkan pendapat majoriti tentang pandangan mereka terhadap masyarakat tersendiri. Dengan cara ini, kami bukan sahaja melakukan kajian berdasarkan teori, malah turut menggunakan realiti. Sebagai contoh, teori menyatakan fahaman etika adalah berlainan mengikut bangsa dan mungkin agama. Dengan adanya responden daripada kalangan masyarakat umum, kami dapat memastikan sama ada teori tersebut masih boleh diguna pakai ataupun sebaliknya. Selain itu, kajian lepas juga dapat menambah pengetahuan kami dengan cara mendedahkan kami kepada persoalan-persoalan yang mungkin tidak pernah terlintas di fikiran kami tentang etika bermasyarakat atau permasalahan yang dihadapi masyarakat-masyarakat di Malaysia.

Kajian ini akan mengandungi isi penting seperti punca yang menyebabkan masyarakat tidak perpaduan dan etika yang diperlukan dalam masyarakat supaya masyarakat bersatu padu. Dengan mengetahui punca kemenjadian masyarakat yang tidak mengamalkan perpaduan, kami boleh membuat solusi yang jelas mengerti berdasarkan punca-punca. Ini dapat menghadapi masalah sosial dengan lebih efektif berbanding dengan tiada punca yang jelas. Penghasilan kajian ini akan membuka ruang kepada para pembaca untuk memahami serta menumbuhkan pelbagai solusi untuk mengatasi masalah sosial. Selain daripada itu, meningkatkan prestasi solusi dan membina solusi yang berbagai, kajian ini juga dapat menjelaskan perwatakan seseorang semasa menghadapi masalah sosial ini.


## **5.0 KAJIAN LEPAS**

Isu perihal masyarakat bersatu padu jelas dilihat melalui kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para penulis yang berpengalaman dalam bidang ini. Kumpulan kami telah memetik dua kajian lepas yang berkait rapat dengan etika bermasyarakat dalam masyarakat bersatu padu. Masing-masing mempunyai isu tersendiri serta memberi impak kepada tingkah laku masyarakat di Malaysia.

Kajian lepas yang pertama ialah daripada sebuah artikel yang dikarang oleh Noor Hisham Md Nawi (2010). Beliau membentangkan tiga konsep utama seorang insan moral iaitu keagamaan, moral dan falsafah serta penyatuan konsep manusia. Setiap bahagian memainkan peranan masing-masing dalam membentuk insan moral secara holistik. Siri kajian ini bermula dengan penerangan serta hujahan perkataan moral daripada para falsafah. Sebagai contoh, beliau telah merujuk kepada seorang ahli falsafah bernama Thiroux yang berpendapat bahawa moral didefinisikan sebagai makna kelakuan mahupun tingkah laku individu atau secara berkumpulan. Penguraian definisi seterusnya membawa kepada analisis penilaian konsep insan menurut acuan Malaysia. Hal ini demikian kerana Malaysia terdiri daripada heterogen kaum yang mempunyai pendirian yang berbeza antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, percanggahan pendapat sering berlaku kerana kurangnya konsep insan moral diterapkan.

Sehubungan dengan itu, penulis menyatakan bahawa pembentukan etika hendaklah berasaskan nilai, agama, sejarah, budaya dan tamadun bangsa Malaysia. Selain itu, hipotesis penulis menyatakan bahawa penyelarasan kefahaman konsep insan moral menurut acuan Malaysia sukar untuk dilaksanakan sekiranya falsafah moral dan etika tidak sama. Hal ini dapat dibuktikan melalui pengasingan pendidikan nilai yang bersifat dualis di mana pelajar bukan Islam menerima pendidikan nilai melalui subjek Pendidikan Moral yang bersifat universal dan diterima oleh semua pihak manakala pelajar Islam pula melalui Pendidikan Islam yang lebih menjurus kepada didikan agama. Oleh hal yang demikian, kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TTAS) diperkenalkan di alam universiti bagi memastikan pembelajaran konteks nilai-nilai murni secara seimbang.

Dalam usaha untuk melestarikan konsep insan bermoral, penulis telah mengetengahkan lima aspek premium iaitu Rukun Negara, Prinsip Masyarakat Islam Hadhari, Nilai Kemanusiaan Sejagat, Himpunan Nilai Yang Dikongsi Masyarakat Majmuk, Nilai Luar yang Diolah Semula dan Falsafah Pendidikan Negara. Aspek-aspek tersebut dibentang berdasarkan Rajah 1 di bawah.



Rajah 1

Berdasarkan kerangka Rajah 1, penulis telah menegaskan bahawa nilai kepercayaan kepada Tuhan hendaklah menjadi ibu kepada segala undang-undang serta pendidikan. Hal ini demikian kerana moral dan agama perlu dikaitkan sejajar dengan pelaksanaan undang-undang yang telah digubal oleh kerajaan. Tambahan pula, tiada mana-mana nilai yang dibenarkan untuk bercanggah dengan nilai kepercayaan kepada Tuhan serta tindakan berat akan dikenakan sekiranya individu mahupun sesebuah golongan menghina agama-agama di Malaysia. Buktinya, undang-undang negara telah menyatakan bahawa Islam merupakan agama rasmi di Malaysia dengan syarat penganut-penganut lain bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing.

Seterusnya, kajian penulis adalah secara umum dan tidak terikat kepada mana-mana jantina mahupun pekerjaan. Skop utama penulis adalah menjurus kepada implementasi pendidikan moral sama ada di peringkat sekolah mahupun pengajian tinggi. Kaedah metodologi yang digunakan adalah secara kualitatif kerana penulis tidak melakukan sebarang sesi soal selidik bagi tujuan mengumpul data. Sebaliknya, penulis terus menghuraikan secara lebih lanjut mengenai keadaan semasa di pusat-pusat pendidikan yang mengaplikasikan subjek Pendidikan Moral dalam silibus pengajian mereka. Hasil kajian penulis telah mendapati bahawa kandungan keseluruhan subjek tersebut belum lagi memadai untuk memberi gambaran jelas mengenai konsep insan moral kepada golongan muda terutamanya. Malahan, pada peringkat sekolah rendah dan menengah, murid-murid diberikan satu set nilai-nilai murni hanya sebagai hafalan semata-mata. Situasi yang berbeza diperoleh penulis pada pusat pengajian tinggi di mana para pelajar diperkenal secara lebih mendalam konsep, definisi dan teori moral yang kemudiannya dijadikan sebagai pemikiran subjektif bagi seseorang individu. Kaedah ini adalah lebih terbuka dan bersifat relatif kerana membuka peluang untuk para

pelajar mencari maksud tersendiri nilai-nilai murni. Namun begitu, kaedah ini juga mampu menggagalkan objektif konsep insan bermoral kerana khuatir tiada bimbingan yang konkret kepada mereka.

Beralih kepada kajian lepas yang kedua telah dikarang oleh Zaliza Mohd. Nasir dan Norlin Ahmad (2009), mereka menjelaskan bahawa pembangunan sosial adalah sebuah proses peningkatan yang menekankan berkaitan pembangunan manusia dan sistem sosial masyarakat. Ia adalah berkaitan dengan pembangunan penerapan nilai, peningkatan budaya dan kualiti hidup serta kemakmuran rakyat. Penulis juga ada menekankan tentang nilai dan prinsip utama yang perlu ditambah baik dan dipertimbangkan supaya perpaduan negara menjadi realiti. Sifat – sifat seperti jujur, amanah, menghormati ibu bapa perlu diterapkan dalam kalangan masyarakat supaya ia mampu mencipta perpaduan bangsa Malaysia. Dengan penekanan setiap nilai ini akan mampu mengelak daripada konflik mahupun perselisihan fahaman dan secara tidak langsung memupuk semangat perpaduan negara.

Penulis juga ada menerangkan tentang kepentingan perpaduan antara masyarakat tidak kira mereka datang daripada apa jua jenis masyarakat dan komuniti. Kepentingan perpaduan antara masyarakat yang pertama adalah perpaduan ini akan menjadi titik ukur pembangunan negara di mata dunia. Hal ini demikian kerana, bagi mencapai kemajuan negara, pelbagai aspek perlu dipertingkatkan secara menyeluruh tidak kira aspek ekonomi, pendidikan mahupun kemasyarakatan. Selain itu, perpaduan masyarakat akan membangunkan satu bangsa Malaysia yang maju dan bermaruah. Daripada berbilang kaum menjadi sebuah bangsa yang megah di mata dunia. Penulis juga menyatakan bahawa perpaduan masyarakat amat penting bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang berjiwa merdeka, yakin dengan kemampuan sendiri dan setaraf dengan bangsa lain di dunia. Selepas berlakunya peristiwa 13 Mei, Malaysia telah bertolak ansur antara kaum dan mewujudkan sebuah perundangan yang membela nasib setiap kaum. Di samping itu, perpaduan akan membentuk satu bangsa yang bersatu dan mempunyai identiti negara, serta dapat mencirikan keperibadian bangsa Malaysia yang unik dan unggul.

Nilai – nilai perpaduan terdiri daripada beberapa aspek tersendiri, seperti daripada segi aspek umum dan juga aspek agama. Antara nilai perpaduan daripada aspek umum adalah masyarakat perlu sentiasa menghormati hak asasi manusia tidak kira perbezaan identiti. Selain itu, masyarakat perlu menerapkan nilai menentang pemerasan dan penindasan sesama manusia. Hal ini amat penting kerana penindasan amat berleluasa di negara sekeliling Malaysia dan mempunyai terlalu banyak kesan negatif. Seterusnya, mewujudkan masyarakat yang menerapkan nilai cinta akan

keadilan. Sentiasa mencari keadilan tidak kira kepada negara, masyarakat mahupun individu sendiri. Aspek umum juga menekankan nilai bencikan keganasan dan sentiasa bersifat berperikemanusiaan. Bukan sahaja terhadap manusia lain, malah terhadap binatang dan tumbuh - tumbuhan. Daripada aspek agama pula, nilai kebebasan beragama telah termaktub dalam perlembagaan Malaysia. Ini adalah nilai yang penting supaya masyarakat boleh meneruskan kepercayaan masing - masing tanpa ancaman dan gangguan luar.

Penulis juga ada menjelaskan tentang langkah - langkah kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat dalam negara kita. Antaranya adalah pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang dipersetujui oleh semua kaum dan termaktub dalam perlembagaan negara. Dasar ini bertujuan untuk menjadi garis panduan dalam usaha negara membentuk sebuah bangsa yang bersatu dan mampu mempunyai identiti negara. Antara isi kandungan dasar ini adalah untuk mewujudkan sifat tolak ansur antara kaum. Dasar ini mengatur strategi secara kualitatif dan kuantitatif bagi mewujudkan perpaduan sesama kaum. Dasar ini telah dan akan menjalankan aktiviti - aktiviti yang boleh mendorong ke arah memelihara dan memperkuatkannya semangat perpaduan negara. Selain itu, Dasar Sosial Negara juga telah diwujudkan. Dasar ini diwujudkan pada tahun 2003 bagi merangkumi semua dasar, program dan aktiviti pembangunan sosial di Malaysia. Sebagai contoh, dasar ini menjalankan program - program berteraskan nilai murni kepada kanak - kanak dan pelajar sekolah.

Tuntasnya, isu yang dikemukakan dalam kedua-dua kajian lepas tersebut saling berkait rapat antara satu sama lain. Etika bermasyarakat haruslah diperlihat secara lebih terperinci dan bukannya holistik. Oleh itu, pembangunan sosial serta konsep insan bermoral seharusnya dijadikan panduan oleh golongan masyarakat dalam usaha melestarikan masyarakat yang bersatu padu.

## **6.0 METODOLOGI KAJIAN**


Kami telah menggunakan kaedah quantitatif iaitu mengunakkan kaedah kajian soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian soalan. Populasi melibatkan 70 responden yang dipilih secara rawak dengan harapan untuk memperolehi 50 responden untuk dikaji selidik. Ini mengambil kira soalan kaji selidik yang kemungkinan yang akan rosak dan tidak lengkap diisi. Pengedarkan soalan kaji selidik dilakukan melalui Google Form dengan pertolongan capaian internet. Penggunaan media WhatsApp menjadi saluran utama untuk menghantar pautan soalan kaji selidik. Data kajian soal selidik telah dianalisa menggunakan Microsoft Excel dan perkhidmatan analisa yang sedia ada di Google Form. Selain daripada soalan pelbagai jawapan, soalan kaji selidik ini juga disediakan menggunakan skala Likert di mana 1 adalah sangat tidak faham/sangat tidak setuju dan 5 adalah sangat faham/sangat setuju.

## 7.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kami telah menjalankan tinjauan dan maklum balas terhadap 50 orang tentang 3 bahagian soalan kami ajukan iaitu yang pertama ialah kefahaman terhadap topik kajian, kepentingan etika dalam masyarakat dan Peristiwa 513 Malaysia. Terdapat soalan berskala dimana 1 adalah sangat tidak faham/sangat tidak setuju dan 5 adalah sangat faham/sangat setuju.

### Bahagian 1: Kefahaman terhadap topik kajian

Daripada bahagian ini dalam tinjaun ‘Google Form’ iaitu kefahaman terhadap topik kajian, responden telah menjawab secara teliti. Melalui penjelasan kepada topik kajian yang dibuat oleh kumpulan, pemahaman responden dalam topik dikira cemerlang..



Seramai 82% iaitu 41 orang daripada 50 orang responden telah memahami maksud tajuk utama kajian ini iaitu etika bermasyarakat dalam membina masyarakat bersatu padu. 2% iaitu seorang sahaja daripada 50 responden tidak memahami maksud tersebut.

Sebagai umum, kebanyakan responden telah memahami tajuk kita iaitu Etika Bermasyarakat Dalam Membina Masyarakat Bersatu Padu. Sebelum kita meneruskan, pemahaman kepada tajuk amat penting supaya kita membuat kajian ini dengan hala tuju yang tepat betul.

“Masyarakat didefinisikan sebagai satu populasi masyarakat yang berbilang kaum serta budaya dalam komuniti manakala bersatu padu bermaksud bergabung sehingga menjadi kukuh. Oleh itu, masyarakat bersatu padu pula bermaksud manusia bersemangat hidup secara kukuh dan harmoni tanpa mengira kaum dan latar belakang masing-masing.”

Daripada pernyataan di atas, kita dapat membahagikan masyarakat kepada beberapa ciri iaitu kaum dan budaya. Secara umum, pengabungan ciri ini amat susah dan cabaran tinggi kerana setiap kaum dan budaya mempunyai persepsi dan kepercayaan yang amat

berbeza. Sebagai contoh, Malaysia mempunyai 3 kaum yang majoriti iaitu Melayu, India dan Cina. Kebiasanya, Melayu beragama Islam, India beragama Hindu dan Cina beragama Buddha. Kepercayaan terhadap agama adalah amat berbeza. Dengan ini, kaum ini mumpunyai persepsi terhadap hal sesuatu juga amat berbeza. Oleh hal demikian, cabaran membina masyarakat bersatu padu adalah mustahil. Sebagai kiasan, bayangkan kita mempunyai buah epal, durian dan gugur. Buah-buahan ini berasal dari negara berbeza, mereka tidak sepatutnya dapat berjumpa satu sama lain. Namun, mereka dapat diletak dalam sebuah bakul buah. Untuk menyatukan buah-buahan ini, kita perlu mempunyai bakul buah untuk membina masyarakat yang bersatu padu dan kita pertu mempunyai etika yang sesuai dan tidak terlebih.


### **Bahagian 2: Kepentingan etika dalam masyarakat**

Daripada bahagian ketiga dalam tinjaun ‘Google Form’ iaitu kepentingan etika dalam masyarakat. Pada bahagian ini, kami menguji kebenaran tentang pentingnya etika dalam masyarakat. Kami mengutarakan beberapa soalan seperti adakah mereka bersetuju supaya etika yang kukuh wujud dalam masyarakat?, etika dalam masyarakat memainkan peranan yang penting sebagai panduan dalam membentuk tingkah laku individu dalam masyarakat berkenaan, etika masyarakat adalah penting untuk dipatuhi dan diamalkan oleh seseorang individu dalam sesebuah masyarakat, etika dalam masyarakat dapat memelihara keamanan, keadilan dan kesejahteraan yang berterusan dan masyarakat yang beretika dapat membentuk persekitaran yang sihat dan menghindari masalah-masalah sosial.




Seramai 46 responden daripada 50 respon bersetuju supaya etika yang kukuh perlu wujud di dalam masyarakat. Mereka yang tidak bersetuju merasakan etika yang kukuh adalah punca kepada sifat perkauman serta membina jati diri yang degil dan tidak mahu berubah.

Etika dalam masyarakat memainkan peranan yang penting sebagai panduan dalam membentuk tingkahlaku individu dalam masyarakat berkenaan.  
50 responses



Soalan kedua pula, 29 responden sangat bersetuju bahawa etika dalam masyarakat memainkan peranan penting untuk membina tingkahlaku individu dalam masyarakat. 17 daripada mereka bersetuju dan selebihnya tidak pasti.

Etika masyarakat adalah penting untuk dipatuhi dan diamalkan oleh seseorang individu dalam sesebuah masyarakat.  
50 responses



Analisis daripada soalan ketiga pula, 30 responden sangat setuju dan 16 responden bersetuju etika dalam masyarakat adalah penting untuk dipatuhi dan diamalkan oleh seseorang individu dalam sesebuah masyarakat manakala 4 responden tidak pasti.



Seterusnya, lebih separuh daripada responden sangat bersetuju dan 12 responden setuju bahawa etika dalam masyarakat dapat memelihara keamanan, keadilan dan kesejahteraan yang berterusan.



Kami mengutarkan pernyataan bahawa masyarakat yang beretika dapat membentuk persekitaran yang sihat dan menghindari masalah-masalah sosial. Seramai 30 responden bersetuju dan 13 responden setuju dengan pernyataan tersebut manakala 7 responden memilih tidak pasti.

Selain itu, kami memberikan satu situasi untuk melihat apakah tindakan yang mereka ambil ketika berada di dalam situasi tersebut.

Apakah yang anda lakukan jika anda ternampak orang mementingkan diri dalam masyarakat yang mengakibatkan keresahan bagi semua pihak?



Kami mendapat pelbagai jawapan daripada 44 responden. Kebanyakkannya daripada mereka akan menegur dan memberikan nasihat serta membuat aduan terhadap pihak berkuasa. Terdapat juga segelintir tidak melakukan apa-apa dan tidak pedulikan situasi tersebut. Juga, terdapat beberapa responden amat mengejutkan kami bahawa mereka akan melakukan tindakan negatif dan berbahaya seperti melanggar atau memberi kecederaan.

### **Bahagian 3: Peristiwa 513 Malaysia**

Daripada bahagian ketiga dalam tinjaun ‘Google Form’ iaitu Peristiwa 513 di Malaysia, responden telah menjawab secara teliti dan telah memahami titik hitam sejarah Malaysia. Walaubagaimanapun, sejarah ini telah menjadi sesuatu pegajaran yang efektif supaya kesalahan ini tidak berulang. Secara umum, peristiwa ini berlaku kerana masalah perpaduan antara kaum di Malaysia. Selepas sesuatu parti politik menang pilihan raya, golongan penyokong pula mula berteriak slogan sensitif yang digunakan oleh parti politik yang menang itu. Golongan pembangkang pula mula menunjuk perasaan serta tindakan secara kekerasan. Golongan-golongan ini menjadi permulaan Peristiwa 513 ini. Tragedi ini telah meragut nyawa dan harta benda masyarakat. Dalam tempoh ini, rusuhan antara kaum agak serius sehingga meragut nyawa.


Untuk memberi kefahaman yang lebih dalam kepada responden, persoalan yang seperti bawah telah dilaksanakan :



1. Apakah perasaan anda semasa melihat gambar-gambar di atas?

2. Bayangkan sendiri dalam keadaan dalam gambar, adakah anda beryakin tidak menjadi mangsa dalam rusuhan?

Seperti yang diramalkan, responden telah menunjuk perasaan yang negatif seperti sedih, takut dan sakit hati semasa melihat gambar tersebut dan kebanyakan responden adalah tidak yakin supaya tidak menjadi mangsa dalam rusuhan.





Selepas itu, kami telah bertanyakan tentang tingkah laku yang dilaksanakan oleh parti politik, golongan pengikut dan golongan pembangkang semasa tempoh itu adalah sepatut atau tidak. Namun, keputusan yang dibuat oleh responden agak tidak disangka serta kecewa. Keputusan adalah seperti di bawah:



Seramai 69.4% daripada 50 orang responden tidak bersetuju dengan tingkah laku calon parti politik. Namun, ada lagi sebanyak 16.3% daripada 50 responden bersetuju dengan penggunaan slogan yang bersensitif semasa pilihan raya untuk menambah momentum sesuatu calon.



Seramai 36.8% daripada 50 orang responden tidak bersetuju dengan tingkah laku golongan pengikut parti politik. Secara yang tidak disangka, seramai 20.4% responden bersetuju atas tindakan mereka iaitu meraikan kemenangan dengan berteriak slogan yang sensitif itu. Seramai 42.9% responden tidak pasti tindakan tersebut adalah betul atau tidak.



Seramai 44.9% daripada 50 orang responden tidak bersetuju dengan tingkah laku golongan pembangkang. Secara yang tidak disangka, seramai 18.4% responden bersetuju atas tindakan mereka iaitu menentang golongan pengikut dengan kekerasan. Seramai 36.7% responden tidak pasti tindakan tersebut adalah betul atau tidak.

Daripada keputusan atas, kita boleh terdapat persepsi daripada responden agak berbeza. Persepsi ini disebabkan oleh pelbagai bidang seperti pendidikan dan persekitaran. Namun, secara umum, tindakan daripada dua golongan ini adalah salah. Hal ini kerana isu-isu sensitif tidak digalakkan diucap semasa berada di awam. Selain itu, masyarakat tidak semestinya menentang sesuatu yang tidak betul secara kekerasan. Kedua-dua

pihak ini dapat megelakkan Peristiwa 513 ini jika kedua-dua golongan tidak bertingkah laku seperti begitu. Walaupun tragedi ini telah berlaku, masyarakat boleh mempelajari pengajaran dalam tragedi ini supaya tidak berlaku sekali lagi.

Daripada data analisis yang diperolehi, kita dapat membuat kesimpulan bahawa rakyat Malaysia didedahkan kepada kehidupan beretika sejak kecil. Ini kerana respons yang diterima tentang maksud etika dalam masyarakat menunjukkan satu keputusan yang signifikan positif. Hampir semua responden mengetahui maksud etika dan masyarakat bersatu padu. Dengan ini kita boleh buat keputusan bahawa masyarakat Malaysia dapat mengelakkan perselisihan faham kerana mereka mengetahui maksud hidup beretika dalam masyarakat bersatu padu. Responden juga telah memberi satu keputusan yang positif tentang mengamalkan etika yang kukuh dalam masyarakat yang kukuh. Ini dapat menghalang masalah perkauman di Malaysia. Hampir separuh daripada responden mengakui tingkah laku individu dalam masyarakat sangat dipengaruhi oleh nilai-nilai etika. Etika dalam masyarakat merupakan aspek yang penting yang patut diamalkan dan dipatuhi oleh seseorang juga dipersetujui oleh lebih kurang 60% oleh responden. Pemeliharaan keamanan, keadilan dan kesejahteraan yang berterusan di dalam masyarakat majmuk sangat bergantung kepada amalan etika yang kukuh dapat membentuk persekitaran yang sihat.

## **8.0 CADANGAN**

Pembentukan etika dalam masyarakat sangat penting dan kajian tentang tajuk ini perlu diperluaskan. Keputusan kajian yang telah dibuat ini hanya melibatkan jumlah responden yang sikit dan responden daripada satu jurusan sahaja. Melalui analisa kajian ini, tidak dapat digenerasikan untuk keseluruhan masyarakat apabila dilihat daripada segi agama, umur dan budaya. Kajian ini juga hanya menggunakan metodologi kuantitatif yang menggunakan Google Form.

Dengan ini, dicadangkan kajian masa depan dalam bidang ini perlu diluaskan untuk jumlah responden yang lebih tinggi yang melibatkan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai umur, bangsa, agama dan budaya yang mencerminkan masyarakat majmuk di Malaysia. Bukan itu sahaja, kajian ini harus menggunakan metodologi seperti temu duga dan kajian pemerhatian. Ini dapat membantu kefahaman mereka tentang subjek etika (UHMS1182) dapat dikaji dengan lebih baik. Kajian ini juga berharap dapat membantu pelbagai pihak terutamanya tenaga pengajar dalam proses menyampaikan maklumat dan info terutamanya tentang kepentingan etika dalam masyarakat.

## 9.0 RUJUKAN

Australian Bureau of Statistics. (1997). *Mental health and wellbeing: Profile of adults, Western Australia* (cat. no. 4326.5). Retrieved from AusStats: <http://www.abs.gov.au/ausstats>

BERNAMA. (2019). Peristiwa 13 Mei: Pengajaran perlunya masyarakat bersatu padu. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/27800/BERITA/Nasional/Peristiwa-13-Mei-Pengajaran-perlunya-masyarakat-bersatu-padu>

Cain, K. (2012, June 29). The Negative effects of Facebook on communication. *Social Media Today RSS*. Retrieved from <https://www.socialmediatoday.com/>

Colclough, B., & Colclough, J. (1999). *A challenge to change*. London, England: Thorsons.

Dominik M. Mueller (2014). *Islam, Politics and Youth in Malaysia: The Pop-Islamist Reinvention of PAS*. Routledge. pp. 13–14. ISBN 978-0-415-84475-8.

Leunig, M. (1995, July 27). Thoughts of a baby lying in a child care centre. *The Sydney Morning Herald*, p. 24.

Mahmud, Z. (2017). 11 Mei, 13 Mei dan pengajarannya. Retrieved from <https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2017/05/16/11-meい13-meい-dan-pengajarannya/>

Md Nawi, N. (2010). Konsep Insan Moral Menurut Acuan Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 2(1), 108-125.

Mohd. Nasir, Zaliza dan Ahmad, Norlin (2009). Pembangunan sosial dalam hubungan etnik. *Hubungan Etnik di Malaysia: Perspektif, Teori dan Praktik*, p. 141-154.

Parker, G., & Roy, K. (2001). Adolescent depression: A review. *Australian and New Zealand Journal of Psychiatry*, 35, 572-580.

## **10.0 LAMPIRAN**

<https://docs.google.com/forms/d/1qUMgSuGBeOsEYSwjRZeGACAEvCshGqzmQjdyxWYjLR8/edit?ts=5fe0a671&gxids=7628>